

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 14 DISEMBER 2013 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Malaysia, Monaco mahu tingkat hubungan	Bernama.com

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 14 DISEMBER 2013 (SABTU)



Malaysia, Monaco Mahu Tingkat Hubungan

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Malaysia dan Kerajaan Monaco bersetuju mengadakan lebih banyak pertukaran dan kerjasama dua hala, terutamanya dalam bidang perdagangan, pelaburan, pelancongan, alam sekitar dan kewangan termasuk perbankan Islam.

Kedua-dua pihak turut memperakukan komitmen masing-masing terhadap usaha memperkuatkan kerjasama di peringkat antarabangsa.

Ini merupakan hasil daripada lawatan kerja Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman ke Monaco pada 12-13 Dis, lawatan pertama oleh Menteri Luar Malaysia sejak hubungan diplomatik dijalin pada 2009.

Pada lawatan itu, Anifah mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatnya Jose Badia, menurut Kementerian Luar dalam kenyataan Sabtu. Beliau turut mempelawa Badia melawat Malaysia.

"Datuk Seri Anifah juga memohon sokongan kerajaan Monaco berhubung pencalonan Malaysia bagi menduduki kerusi Tidak Tetap dalam Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa Bersatu bagi 2015-2016," menurut kementerian.

Pada lawatan itu, Anifah turut diberi taklimat mengenai kereta hibrid dan elektrik yang dibangunkan Venturi Automobiles, pengeluar automotif multinasional yang mereka bentuk, mengeluarkan dan menjual kenderaan elektrik mewah.

Menteri meminta Venturi Automobiles menimbaangkan untuk menawarkan peluang kepada pelajar kejuruteraan Malaysia di Nice, Perancis menjalani latihan di firma itu.

Beliau turut melawat Oceanographic Museum yang sedang menjalin usahasama dengan [Agensi Angkasa Negara Malaysia \(Angkasa\)](#).

Anifah, dalam lawatan ke Monaco, diiringi Duta Besar Malaysia di Perancis Tan Sri Ismail Omar, dan disambut oleh Konsul Kehormat Malaysia di Monaco, Gildo Pallanca Pastor.

Selepas Perancis dan Monaco, lawatan kerja Anifah ke Eropah akan diteruskan ke Geneva, Switzerland, dari hari ini sehingga 16 Dis.

-- BERNAMA